

30/07/1999

PM ingatkan waspada pilih kerajaan

Azhar Abu Samah; Ibrahim Muhamad

KUALA TERENGGANU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya berhati-hati menggunakan kuasa mereka dalam memilih kerajaan nanti kerana sebarang kesilapan boleh membawa kebinasaan kepada mereka dan negara.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan janji, mendengar hasutan atau menerima desakan pihak tertentu sehingga menyebabkan mereka membuat keputusan tidak bijak.

"Pihak tertentu tahu kuasa ini boleh disalahgunakan rakyat dan mereka akan berusaha supaya melalui hasutan dan pengaruh penerangan untuk mendapat kuasa rakyat bagi kepentingan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis perjumpaan dan dialog dengan pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan di Wisma Darul Iman, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, kuasa memilih kerajaan boleh mendatangkan kebaikan kalau dibuat berhati-hati rakyat dan boleh mendatangkan keburukan jika ia dibuat di atas desakan dan melalui cara yang tidak baik.

Katanya, rakyat perlu memilih kerajaan yang mampu menyediakan segala kemudahan diperlukan seperti sekolah, jalan raya, bekalan elektrik dan air serta keperluan lain.

Perdana Menteri juga membidas segelintir Bumiputera yang kini memegang jawatan tinggi cuba menjatuhkan kerajaan setelah mendapat faedah melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Tanpa kerajaan yang ada, mereka tidak akan mendapat pelajaran dan jawatan tetapi kerajaan ini tetap memberi peluang kepada mereka," katanya sambil menyifatkan golongan itu lupa jasa kerajaan sebelum ini.

Beliau berkata, golongan itu tidak seharusnya berfikir jawatan yang dipegang itu hanya usaha mereka semata-mata, sebaliknya harus memikirkan juga bantuan kerajaan bagi memastikan mereka dapat menduduki jawatan itu.

"Kita bukan menidakkan kebolehan mereka tetapi saya ingin tahu jika diadakan ujian dalam memegang jawatan besar di universiti umpamanya, antara semua kaum, adakah mereka akan memegang jawatan itu?. Saya tidak yakin begitu ramai akan dapat jawatan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat jangan terburu-buru mengikut hasutan orang yang ingin menggunakan kuasa memilih kerajaan untuk mendapat tempat dalam negara.

Sementara itu di majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan perasmian pecah tanah projek perumahan kos rendah dan sederhana di Kampung Kubang Parit, di sini Dr Mahathir berkata, parti politik tidak harus mencemarkan kesucian Islam semata-mata untuk kepentingan politik.

Katanya, pemimpin parti juga tidak harus berbohong menggunakan nama Islam.

Beliau membidas pemimpin Pas, termasuk Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana kenyataan mereka yang tidak benar yang kononnya berlandaskan Islam tetapi sebenarnya bermotifkan politik.

(END)